

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2007

**PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN PEKERJA RENDAH AWAM
(PRA) DAN PEKERJA RENDAH AWAM KHAS (PRAK)**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan nama skim perkhidmatan Pekerja Rendah Awam (PRA) dan Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK).

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan perubahan persekitaran, pemakaian perkataan 'Rendah' pada nama skim perkhidmatan Pekerja Rendah Awam dan Pekerja Rendah Awam Khas didapati tidak lagi bersesuaian. Sehubungan itu, kerajaan bersetuju supaya nama skim perkhidmatan Pekerja Rendah Awam dan Pekerja Rendah Awam Khas diubah.

PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN

3. Nama skim perkhidmatan Pekerja Rendah Awam (PRA) Gred R1, R4 dan Pekerja Rendah Awam Khas Gred (PRAK) Gred R3, R6 yang berkuat kuasa di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 masing-masing diubah kepada skim perkhidmatan Pekerja Awam Gred R1, R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R3, R6. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan berkuat kuasa adalah dikekalkan. Perubahan skim-skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran A** dan **B** dan format iklan adalah seperti di **Lampiran A1** dan **B1**.

4. Skim perkhidmatan Pekerja Awam memperuntukkan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke skim perkhidmatan Pekerja Awam Khas yang baru dan mengekalkan perbekalan ke skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan dan Operator Loji. Sehubungan itu, perubahan skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan dan Operator Loji adalah seperti di **Lampiran C** dan **D**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke skim perkhidmatan tersebut adalah seperti di **Lampiran C1** dan **D1**.

5. Manakala skim perkhidmatan Pekerja Awam Khas mengekalkan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke skim perkhidmatan Pemandu Enjin (Kereta Api Bukit Bendera). Sehubungan itu, perubahan skim perkhidmatan Pemandu Enjin (Kereta Api Bukit Bendera) adalah seperti di **Lampiran E**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut adalah seperti di **Lampiran E1**.

PELAKSANAAN

6. Dengan berkuat kuasanya perubahan skim perkhidmatan Pekerja Awam, Pekerja Awam Khas, Pemandu Kenderaan, Operator Loji dan Pemandu Enjin (Kereta Api Bukit Bendera) yang diubah ini, semua pegawai yang sedang berkhidmat adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang diubah di bawah pekeliling perkhidmatan ini.

7. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai perubahan nama jawatan pada Waran Perjawatan sedia ada.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2008**.


PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah Awam Khas, Pemandu Enjin (Kereta Api Bukit Bendera) dan Operator Loji yang berkuat kuasa 1 November 2002 dan skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan yang berkuat kuasa 1 Januari 2007 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

12 November 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
PEKERJA AWAM**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R1	: P1T1 RM647.51 - P1T14 RM1178.43 P2T1 RM689.98 - P2T14 RM1242.09 P3T1 RM734.08 - P3T14 RM1307.38
Gred R4	: P1T1 RM701.42 - P1T17 RM1354.86 P2T1 RM787.99 - P2T17 RM1493.59

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
(Gaji permulaan ialah pada Gred R1: P1T3);
- dan
- (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pekerja Awam Gred R1 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pekerja Awam boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
5. Pekerja Awam Gred R1 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pekerja Awam Gred R1 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pekerja Awam hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R4**

9. Pekerja Awam Gred R1 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pekerja Awam Gred R4 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEKERJA RENDAH AWAM
KHAS, PEMANDU
KENDERAAN BERMOTOR,
OPERATOR LOJI**

10. Pekerja Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Awam Khas atau Pemandu Kenderaan atau Operator Loji yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEKERJA AWAM KHAS**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred R3	:	P1T1 RM701.42	-	P1T17 RM1354.86
		P2T1 RM743.89	-	P2T17 RM1423.41
		P3T1 RM787.99	-	P3T17 RM1493.59
Gred R6	:	P1T1 RM868.04	-	P1T15 RM1439.80
		P2T1 RM954.61	-	P2T15 RM1572.01

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
 (ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred R3: P1T2);
- dan
- (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam dalam bidang berkaitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Awam Khas Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti di perenggan 1(c) (ii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pekerja Awam Khas Gred R3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

- LATIHAN**
5. Pekerja Awam Khas boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
6. Pekerja Awam Khas Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pekerja Awam Khas Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pekerja Awam Khas hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED R6**
10. Pekerja Awam Khas Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pekerja Awam Khas Gred R6 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN OPERATOR LOJI, PEMANDU ENJIN (KBB)**
11. Pekerja Awam Khas yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji atau Pemandu Enjin (KBB) yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMANDU KENDERAAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R3	: P1T1 RM701.42 - P1T17 RM1354.86 P2T1 RM743.89 - P2T17 RM1423.41 P3T1 RM787.99 - P3T17 RM1493.59
Gred R6	: P1T1 RM868.04 - P1T15 RM1439.80 P2T1 RM954.61 - P2T15 RM1572.01

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
 - (ii) memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
 - (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred R3:

- Lesen D P1T3
- Lesen E/E1/E2 P1T4
- Lesen F/H P1T5
- Lesen G/I P1T6

dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Kenderaan Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (ii) dan (iii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG MEMPEROLEHI LESEN MEMANDU KELAS LEBIH TINGGI SEMASA DALAM PERKHIDMATAN

TEMPOH PERCUBAAN

LATIHAN

KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

KENAIKAN PANGKAT KE GRED R6

4. Pemandu Kenderaan yang memperolehi lesen memandu kelas lebih tinggi semasa dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke mata gaji permulaan mengikut lesen berkenaan, sekiranya gaji anggota masih rendah daripada gaji permulaan lesen berkaitan.
5. Pemandu Kenderaan Gred R3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
6. Pemandu Kenderaan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pemandu Kenderaan Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pemandu Kenderaan Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.
9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pemandu Kenderaan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
11. Pemandu Kenderaan Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Kenderaan Gred R6 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) mempunyai lesen memandu yang sah dan bersesuaian untuk memandu kenderaan/jentera yang beratnya melebihi 5000kg;
 - (d) melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebagai berkebolehan memandu/mengendali dan menyenggara kenderaan/jentera yang berkaitan. (Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan boleh mengadakan ujian khas jika sesuai bagi memastikan calon benar-benar layak).

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2007 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2006, JPA(S) 324/I Klt.39(12)].

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR LOJI**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R3	: P1T1 RM701.42 - P1T17 RM1354.86 P2T1 RM743.89 - P2T17 RM1423.41 P3T1 RM787.99 - P3T17 RM1493.59
Gred R8	: P1T1 RM1080.39 - P1T10 RM1480.63 P2T1 RM1166.96 - P2T10 RM1612.88

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
 - (ii) sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Pembakaran Dalam (I.C) Gred II atau Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Stim/Dandang Gred II mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
 - (iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi yang mana berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R3: P1T3);
- dan
- (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE GRED R3**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (ii) dan (iii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN KE
GRED R8**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam Khas adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji Gred R8, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d); dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Operator Loji Gred R3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Operator Loji boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

7. Operator Loji Gred R3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Operator Loji Gred R3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

10. Operator Loji hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R8**

11. Operator Loji Gred R3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Loji Gred R8 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Pembakaran Dalam (I.C) Gred I atau Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Stim/Dandang Gred I;
- (e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan sebagai cekap mengendalikan Loji Pembakaran Dalam Melebihi 100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan

pembakarannya melebihi 100 kaki persegi mana yang berkenaan

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2(3)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMANDU ENJIN (KERETA API BUKIT BENDERA)**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R9	: P1T1 RM721.02 - P1T21 RM1626.04 P2T1 RM763.49 - P2T21 RM1709.28 P3T1 RM807.59 - P3T21 RM1794.23
Gred R12	: P1T1 RM892.54 - P1T15 RM1647.28 P2T1 RM1005.25 - P2T15 RM1805.63

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti yang ditetapkan.

dan

 - (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam Khas (Penyenggara Landasan dan Komunikasi dan Konduktor KBB) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Enjin Gred R9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti di perenggan 1(c) (ii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred R9 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

 4. Pemandu Enjin Gred R9 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pemandu Enjin boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pemandu Enjin Gred R9 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pemandu Enjin Gred R9 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pemandu Enjin hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED R12**

10. Pemandu Enjin Gred R9 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Enjin Gred R12 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

LAMPIRAN A1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : PEKERJA AWAM
- (b) Kementerian/ Jabatan : (NYATAKAN NAMA AGENSI)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN MAHIR/ SEPARUH MAHIR/
TIDAK MAHIR

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R1	: P1T1 RM647.51 - P1T14 RM1178.43 P2T1 RM689.98 - P2T14 RM1242.09 P3T1 RM734.08 - P3T14 RM1307.38
Gred R4	: P1T1 RM701.42 - P1T17 RM1354.86 P2T1 RM787.99 - P1T17 RM1493.59

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R1:P1T3);

- dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

4. TARAF JAWATAN : Tetap
5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pekerja Awam adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. FUNGSI BIDANG TUGAS : (untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : (nyatakan tarikh tutup permohonan)

LAMPIRAN B1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : PEKERJA AWAM KHAS
(b) Kementerian/ Jabatan : (NYATAKAN NAMA AGENSI)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN MAHIR/ SEPARUH MAHIR/
TIDAK MAHIR

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R3	: P1T1 RM701.42 - P1T17 RM1354.86 P2T1 RM743.89 - P2T17 RM1423.41 P3T1 RM787.99 - P3T17 RM1493.59
Gred R6	: P1T1 RM868.04 - P1T15 RM1439.80 P2T1 RM954.61 - P2T15 RM1572.01

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R3:P1T2);
- dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam dalam bidang berkaitan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Awam Khas Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti di perenggan 1(c) (ii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. TARAF JAWATAN : Tetap
6. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pekerja Awam Khas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. FUNGSI BIDANG TUGAS : (untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : (nyatakan tarikh tutup permohonan)

LAMPIRAN C1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : PEMANDU KENDERAAN
(b) Kementerian/ Jabatan : (NYATAKAN NAMA AGENSI)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN MAHIR/ SEPARUH MAHIR/
TIDAK MAHIR

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R3	: P1T1 RM701.42 - P1T17 RM1354.86 P2T1 RM743.89 - P2T17 RM1423.41 P3T1 RM787.99 - P3T17 RM1493.59
Gred R6	: P1T1 RM868.04 - P1T15 RM1439.80 P2T1 RM954.61 - P2T15 RM1572.01

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
 - (ii) memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/F/G/H1 berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan ialah pada Gred R3:

- Lesen D P1T3
- Lesen E/E1/E2 P1T4
- Lesen F/H P1T5
- Lesen G/I P1T6

dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Kenderaan Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (ii) dan (iii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. TARAF JAWATAN : Tetap
6. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pemandu Kenderaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. FUNGSI BIDANG TUGAS : (untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : (nyatakan tarikh tutup permohonan)

LAMPIRAN D1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : OPERATOR LOJI
- (b) Kementerian/ Jabatan : (NYATAKAN NAMA AGENSI)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN MAHIR/ SEPARUH MAHIR/
TIDAK MAHIR

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred R3	: P1T1 RM701.42 - P1T17 RM1354.86 P2T1 RM743.89 - P2T17 RM1423.41 P3T1 RM787.99 - P3T17 RM1493.59
Gred R8	: P1T1 RM1080.39 - P1T10 RM1480.63 P2T1 RM1166.96 - P2T10 RM1612.88

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
 - (ii) sekurang-kurangnya memiliki Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Pembakaran Dalam (I.C) Gred II atau Sijil Kecekapan Pemandu Enjin Stim/Dandang Gred II mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;

(iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi yang mana berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R3:P1T3);

dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE GRED R3 : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji Gred R3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (ii) dan (iii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE GRED R8 : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam Khas adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Loji Gred R8, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d); dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
6. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :: Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pekerja Awam Khas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. FUNGSI BIDANG TUGAS : (untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : (nyatakan tarikh tutup permohonan)

LAMPIRAN E1

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : PEMANDU ENJIN (KERETA API BUKIT BENDERA)
(b) Kementerian/ Jabatan : (NYATAKAN NAMA AGENSI)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN MAHIR/ SEPARUH MAHIR/
TIDAK MAHIR

2. JADUAL GAJI

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred R9	P1T1 RM721.02	- P1T21 RM1626.04
	P2T1 RM763.49	- P2T21 RM1709.28
	P3T1 RM807.59	- P3T21 RM1794.23
Gred R12	P1T1 RM892.54	- P1T15 RM1647.28
	P2T1 RM1005.25	- P2T15 RM1805.63

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti yang ditetapkan.
- dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Awam Khas (Penyenggara Landasan dan Komunikasi dan Konduktor KBB) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Enjin Gred R9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti di perenggan 1(c) (ii) di atas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. TARAF JAWATAN : Tetap
6. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :: Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pemandu Enjin adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. FUNGSI BIDANG TUGAS : (untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : (nyatakan tarikh tutup permohonan)